



P.406/911/13 Jld.25
01 Mac 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PELAWAAN MENYERTAI KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYISA TAHUN 2019

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan LKIM akan mengadakan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat LKIM Tahun 2019 yang dijangka akan diadakan pada bulan Ogos 2019. Objektif Konvensyen KIK diadakan adalah untuk:
 - a). Memberi pengiktirafan kepada KIK membentangkan idea-idea dan hasil projek kepada pihak Pengurusan atasan LKIM.
 - b). Memberi peluang kepada ahli KIK untuk bertukar pengalaman dan ilmu bagi meningkatkan kualiti kerja di LKIM.
 - c). Menggalakkan aktiviti Pasukan KIK di LKIM.
3. Sehubungan dengan itu dengan sukacitanya menjemput Bahagian/Negeri tuan untuk menghantar penyertaan kumpulan KIK masing-masing yang terdiri daripada **Kategori Penambahbaikan, Kategori Penciptaan dan Kategori Hybrid** ke Konvensyen KIK pada tahun ini. Bahagian/Negeri adalah dibenarkan untuk menghantar labih dari satu kumpulan daripada setiap kategori.
4. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Inovatif dan Kreatif (KIK)** LKIM untuk makluman dan rujukan tuan/puan sewajarnya. Borang-borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia sebelum **atau** pada **31 Mei 2019 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan tuan/puan bolehlah


4. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Inovatif dan Kreatif (KIK) LKIM** untuk makluman dan rujukan tuan/puan sewajarnya. Borang-borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia sebelum atau pada **31 Mei 2019 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan tuan/puan bolehlah menghubungi pihak Urus Setia Puan Tengku Nur Safwah binti Tengku Mohd Anuar di talian 03-8064 9106 atau Puan Siti Faridah binti Haini di talian 03-8064 9177.

Kerjasama tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA KAHALID BIN RAJA ARIFFIN)
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
b.p Ketua Pengarah LKIM

sk:

Ketua Pengarah LKIM

P(KP)


SENARAI EDARAN DALAMAN:

1. Pengarah
Bahagian Pembangunan Masyarakat & Pertubuhan Nelayan
2. Pengarah
Bahagian Pemasaran dan Pelesenan
3. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
4. Pengarah
Bahagian Kewangan dan Akaun
5. Pengarah
Bahagian Kejuruteraan
6. Pengarah
Bahagian Kawalselia Pendaratan Ikan dan Penguatkuasaan
7. Pengarah
Bahagian Industri Asas Tani
8. Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Pengarah
Bahagian Infrastruktur
10. Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat
11. Pengarah
Unit Audit Dalam
12. Pengarah
Unit Intergriti
13. Pengarah
Unit Komunikasi Korporat
14. Pengarah
Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Nelayan
15. Ketua Unit
Unit Undang-undang

SENARAI EDARAN LUARAN:

1. Pengarah
LKIM Negeri Kedah
Tingkat 1, Pelabuhan LKIM Kuala Kedah
Kg. Keluncur Mukim Kubang Rotan
06250 Alor Setar Kedah.
2. Pengarah
LKIM Negeri Perlis,
Kompleks LKIM Kuala Perlis,
Kampung Perak,
02000 Kuala Perlis.
3. Pengarah
LKIM Negeri Pulau Pinang
Pelabuhan LKIM Batu Maung,
11960 Batu Maung.
4. Pengarah
LKIM Negeri Perak
32040 Sri Manjung Perak.
5. Pengarah
LKIM Negeri Selangor,
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen II
40000 Shah Alam.
6. Pengarah
LKIM Negeri Melaka
No. 74 A, Jalan TMR 2,
Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.
7. Pengarah
LKIM Negeri Sembilan
Lot 113, Jalan Lavender Height 1
Pusat Perniagaan Lavender Height
70450 Seremban

7. Pengarah
LKIM Negeri Johor
No. 6 & 8, Jalan Geroda 1,
Larkin,
80350 Johor Bahru.
8. Pengarah
LKIM Negeri Terengganu
Pelabuhan Perikanan Chendering,
21080 Kuala Terengganu.
9. Pengarah
LKIM Negeri Kelantan,
Lot 167 & 168 Seksyen 9, Jalan Post Lama,
15000 Kota Bharu.
10. Pengarah
LKIM Negeri Pahang,
Taman Pemprosesan Ikan Kuantan
Jalan Seri Kemunting 2, Tanah Putih,
25100 Kuantan.
11. Pengarah
LKIM Negeri Sarawak
Lot 329, Seksyen 9, KTLD
Jalan Satok, Peti Surat 2201,
93744 Kuching.
12. Pengarah
LKIM Negeri Sabah
Lot 72 & 73 Blok K
Plaza Utama Alam Mesra
88450 Kota Kinabalu.
13. Pengarah LKIM Wilayah Persekutuan Labuan
LKIM Wilayah Persekutuan Labuan,
Lot 3, Tingkat 1, Lazenda Commercial Centre,
Phase IIIA,
87007 Wilayah Persekutuan Labuan.



LKIM

GARIS PANDUAN

**KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF (KIK)
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN
MALAYSIA
TAHUN 2019**

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mula dilaksanakan pada tahun 2010 selaras dengan **Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** yang telah dikeluarkan oleh MAMPU pada **1 November 2009**. Pertandingan ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjenamaan semula terhadap **Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK)** yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan sejak **tahun 1991**.

Pada 30 Ogos 2016, **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2016** iaitu **Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif** telah dikeluarkan sekali gus menggantikan Garis Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan oleh **MAMPU** pada tahun 2009.

Konvensyen KIK Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan warga LKIM dalam memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Konvensyen ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti utama di bawah **Program Kualiti dan Inovasi Tahunan LKIM**. Pemilihan pemenang dan Majlis Penyampaian Anugerah ini dilakukan secara dua tahun sekali di dalam **Majlis Sambutan Hari Inovasi LKIM**.

1.2 TUJUAN

- Memberi penjelasan berhubung tatacara penyertaan **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu** peringkat Lemabaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh MAMPU iaitu **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.**
- Memaklumkan mengenai syarat-syarat penyertaan, kriteria penilaian dan skema pemarkahan **KIK Horizon Baharu LKIM**.
- Memaklumkan bahawa penyertaan projek KIK dinilai berdasarkan kepada kriteria dan format KIK Horizon Baharu seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**.

1.3 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

1.3.1 Inovasi Sosial

- Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat secara menyeluruh.
- Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.
- **Ciri-ciri utama inovasi sosial** adalah:
 - a) Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik.
 - b) Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat.
 - c) Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi menekankan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.


Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan




1.3.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.
- **Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan** adalah:
 - a) Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan.
 - b) Meningkatkan kecekapan dan mengoptimum kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia.
 - c) Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.
 - d) Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.

Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan



1.4 KRITERIA PROJEK KIK

Lima kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada Rajah 4.

Rajah 4: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk dikembangkan

--- LIMA (5) KRITERIA PROJEK KIK ---

KREATIF DAN
INOVATIF

Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

IMPAK POSITIF
YANG TINGGI
DAN
MENYELURUH

Organisasi – Meningkat kecekapan.
dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan
Pelanggan – Menepati standard perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi pelanggan.
Rakyat – Memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi.

PULANGAN NILAI
TERBAIK

Penjimatan kos melalui
pengoptimuman penggunaan sumber.
Penjanaan dan peningkatan pendapatan.

REPLIKASI

Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi.
Agenda replikasi perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.

PENGKOMERSIALAN

Penciptaan dan pencapaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran.
Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan.
Agenda pengkomersialan perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek

1.5 PEMBENTUKAN KUMPULAN

1.5.1 KIK Primer

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi 10 orang** daripada **Bahagian/Negeri sama** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:

- a) Seorang Ketua Projek
- b) Sembilan Orang Ahli Kumpulan

1.5.2 KIK Hibrid

Sekumpulan kakitangan terdiri daripada **dua (2) atau lebih Bahagian/Negeri yang bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. Bilangan ahli tertakluk pada **skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.**

1.6 KOMPONEN KIK

1.6.1 KIK digalakkan untuk mewujudkan identiti kumpulan tersendiri seperti Nama, Logo, Visi, Misi Kumpulan.

1.6.2 Fasilitator

Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator. Pelantikan fasilitator **bukan suatu kemestian.**

1.6.3 Ketua Kumpulan

Ketua kumpulan merupakan **seorang daripada ahli KIK**. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjelaskan perkembangan kumpulan.

1.6.4 Ahli Kumpulan

Keahlian KIK **terbuka kepada semua anggota** dalam organisasi. Bagi **KIK Hibrid**, jumlah ahli kumpulan yang mewakili Bahagian/Negeri masing-masing hendaklah **seimbang atau pada bilangan yang munasabah**.

Bahagian/Negeri yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum persefahaman secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

PENILAIAN

2.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

2.1.1 Penilaian ke atas KIK yang bertanding dalam Konvensyen KIK peringkat LKIM akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh INTAN.

2.1.2 Pembahagian markah yang digunakan adalah seperti berikut:

Penilaian Projek:

- | | | |
|-------------------------------|---|-----|
| a) Dokumentasi dan Soal Jawab | : | 50% |
| b) Pemeriksaan Projek | : | 20% |
| c) Persembahan Projek | : | 20% |
| d) Pameran Projek | : | 10% |

2.1.3 Penilaian Projek di atas adalah menggunakan format dan kriteria penilaian seperti **Skema Pemarkahan** di Lampiran.

PENGIKTIRAFAN

3.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

3.1.1 Projek-projek KIK yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh pihak INTAN. Hadiah-hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIK peringkat LKIM Tahun 2019 akan disampaikan semasa **Sambutan Hari Inovasi LKIM Tahun 2019**.

3.1.2 Anugerah diberikan dalam bentuk **monetari dan bukan monetari** sebagai insentif yang dapat menggalakkan warga Jabatan/Bahagian Agensi untuk lebih membudayakan inovasi. Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada **Johan, Naib Johan dan tempat ketiga** berdasarkan **Pekeliling W.P 5.3: Peraturan Mengenai Sambutan Hari Inovasi.**

3.1.3 Pemenang-pemenang Konvensyen KIK akan menerima hadiah-hadiah seperti berikut:

(a) Kategori Penciptaan

PEMENANG	BIDANG	HADIAH BAGI SETIAP BIDANG
Johan	Inovasi Sosial	RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Naib Johan	Inovasi Sosial	RM3,000.00 Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Tempat Ketiga	Inovasi Sosial	RM2,000.00 Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	

(b) Kategori Penambahbaikan

PEMENANG	BIDANG	HADIAH BAGI SETIAP BIDANG
Johan	Inovasi Sosial	RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Naib Johan	Inovasi Sosial	RM3,000.00 Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	
Tempat Ketiga	Inovasi Sosial	RM2,000.00 Piala dan Sijil Penghargaan
	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan	

- 3.1.4 Kumpulan Hibrid dipertandingkan **berasingan** dengan Kumpulan Primer bagi setiap bidang yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, agihan hadiah bagi setiap bidang juga tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- 3.1.5 Kumpulan KIK yang mempamerkan persembahan dan pameran terbaik akan mendapat **Anugerah Pameran Terbaik** dan **Anugerah Persembahan Terbaik**.

PENYERTAAN

4.1 SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

- 4.1.1 Penyertaan adalah dibuka kepada **semua KIK** daripada **Bahagian/Negeri** di LKIM.
- 4.1.2 Projek yang menyertai pertandingan hendaklah merupakan projek yang telah **digunakan** **diperingkat organisasi sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada pihak urus setia.
- 4.1.3 Projek yang dipersembahkan mestilah **belum pernah dipersembahkan** dalam mana-mana **Konvensyen KIK Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam)** pada tahun-tahun sebelumnya.

4.2 PENOLAKAN PENYERTAAN

- 4.2.1 Urus setia berhak menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 4.2.2 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang layak untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat LKIM yang ditentukan berdasarkan syarat penyertaan adalah muktamad.
- 4.2.3 Keputusan panel penilai dalam Konvensyen KIK terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

4.3 PERMOHONAN PENYERTAAN

- 4.3.1** Kumpulan KIK yang menyertai KIK dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang disediakan seperti di **Lampiran A (Bahagian A)**.
- 4.3.2** Borang permohonan hendaklah dilengkap dan **disahkan** oleh **Ketua Jabatan**.
- 4.3.3** Setiap kumpulan hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup iaitu:
- a) **Ringkasan Eksekutif – Lampiran A (Bahagian B)**
(300-500 patah perkataan / tidak melebihi dua muka surat. Ringkasan projek tidak dikira dalam jumlah muka surat)
 - b) **Enam salinan Laporan Projek KIK**
Laporan mengikut susunan aturan kriteria penilaian projek. Perincian projek **3,000 - 5,000 patah perkataan / tidak melebihi 15 muka surat** tidak termasuk lampiran. Minimum saiz tulisan adalah 11 dengan jenis **font Arial** dan **spacing multiple at 1.15**.
Lampiran hendaklah disediakan semasa **sesi Pemeriksaan Projek** dan **sesi Penilaian Dokumentasi/Soal Jawab**.
 - c) **Gambar Projek (Softcopy-jpg @jpeg)**
 - d) **Logo Kumpulan dan Gambar Ahli Kumpulan (Softcopy-jpg @jpeg)**
 - e) **Video (sekiranya ada) (Softcopy)***
- *Semua **softcopy** perlu dimasukkan dalam satu CD sahaja.

4.3.4 Laporan Borang permohonan dan *hardcopy/softcopy* projek yang telah dilengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **31 Mei 2019 (Jumaat)** kepada:

**URUS SETIA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia,
Wisma LKIM, Jalan Desaria,
Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor

No. Tel : 03-8064 9177
No. Faks : 03-8060 3546
E-mel : faridahaini@lkim.gov.my

- a) Tarikh tutup permohonan:
31 Mei 2019 (Jumaat)
- b) Penyerahan laporan permohonan
31 Mei 2019 (Jumaat)
- c) Tarikh Konvensyen KIK
Ogos 2019
- d) Pengiktirafan dan Sambutan Hari Inovasi
Ogos 2019

Semua Peserta Mesti Membaca Peraturan Dan Syarat-Syarat Penyertaan

- * **Semua Borang Penyertaan Mesti Ditaip**
- * **Salinan Fotostat Borang Penyertaan Diterima**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK	
NAMA ORGANISASI	
ALAMAT ORGANISASI	
NAMA KUMPULAN	
TAJUK	
TARIKH MULA PROJEK	
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK	
KIK	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan) Primer <input type="checkbox"/> Hibrid <input type="checkbox"/>

BIDANG INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)	
	Sosial <input type="checkbox"/>	Penyampaian Perkhidmatan <input type="checkbox"/>
KATEGORI INOVASI	(Sila tandakan (√) kotak yang berkaitan)	
	Penciptaan <input type="checkbox"/>	Penambahbaikan <input type="checkbox"/>
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB		
FASILITATOR KUMPULAN (JIKA ADA)		
NAMA		
GRED DAN JAWATAN		
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS		
NO. TELEFON BIMBIT		
E-MEL		
KETUA KMPULAN		
NAMA		
GRED DAN JAWATAN		
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS		
NO. TELEFON BIMBIT		
E-MEL		

**SENARAI NAMA AHLI
KUMPULAN**

1)

2)

3)

4)

5)

6)

7)

8)

9)

GAMBAR KUMPULAN

***Silakan kemukakan juga dalam bentuk “softcopy” (format jpeg)**

(Disediakan dalam bentuk cakera padat atau e-mel kepada

faridahaini@lkim.gov.my)

Keterangan gambar: Nama mengikut susunan seperti di gambar

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Dengan ini adalah disahkan
bahawa.....

(Nama Pejabat) akan menyertai Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Lembaga
Kemajuan Ikan Malaysia Tahun 2019

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SILA RUJUK GARIS PANDUAN UNTUK MAKLUMAT LEBIH TERPERINCI

BAHAGIAN B: RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	
Bidang dan Kategori	
RINGKASAN EKSEKUTIF	
<p>Ringkasan Eksekutif merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Projek KIK yang dilaksanakan2. Menjelaskan keberhasilan projek: <i>Outcome</i> dan Impak Projek3. Menjelaskan potensi pengembangan projek <p>(300-500 patah perkataan, tidak melebihi dua muka surat)</p>	

SKEMA PEMARKAHAN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TAHUN 2019
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

1. PEMERIKSAAN PROJEK KIK (20%)

- Pemeriksaan terhadap verifikasi data dan sumber data projek
- Pemeriksaan terhadap penyeragaman projek dan penilaian kumpulan

2. PENILAIAN PROJEK KIK MELALUI DOKUMENTASI DAN SOAL JAWAB (50%)

- Penilaian ini diadakan secara bersemuka antara panel dan peserta semasa konvensyen dokumentasi projek

3. PENILAIAN PERSEMBAHAN PROJEK KIK (20%)

- Penilaian ke atas keberkesanan mempersembahkan projek selama 10 minit semasa konvensyen.

4. PENILAIAN PAMERAN PROJEK (10%)

- Penilaian ke atas kreativiti dan inovasi kumpulan dalam mempamerkan dan mempromosikan projek yang dipertandingkan.

SKEMA PEMARKAHAN
PENILAIAN PROJEK KIK MELALUI DOKUMENTASI DAN SOAL JAWAB
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
TAHUN 2019

TAJUK PROJEK :				
NAMA KUMPULAN :				
AGENSI / JABATAN:				
Arahan : Sila tanda (✓) pada ruang yang berkaitan.				
JENIS KUMPULAN :	PRIMER		HIBRID	
BIDANG INOVASI :	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN		SOSIAL	
KATEGORI INOVASI :	PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN	
NAMA PANEL :				

Skala Likert				
1	2	3	4	5
Amat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat Baik

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA	WAJARAN (a)	SKALA DIPILIH OLEH PANEL	MARKAH WAJARAN (a x b)	CATATAN
				(b)		
1	Penglibatan pihak pengurusan [4]	a. Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi	4			
2.	Signifikasi projek dan pembuktian [10]	a. Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi	1			
		b. Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2			
		c. Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2			

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA	WAJARAN (a)	SKALA DIPILIH OLEH PANEL (b)	MARKAH WAJARAN (a x b)	CATATAN
3.	Tindakan Penyelesaian [23]	d. Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2			
		e. Kaedah pemilihan projek dan analisis	2			
		f. Penyataan Sasaran Outcome dan Impak	1			
4	KEBERHASILAN PROJEK					
	4.1 Outcome projek dan Pembuktian [35]	a. Pencapaian Outcome dan Pembuktian	25			
		b. Faedah sampingan (luar jangka)	10			
	4.2 Impak projek dan Pembuktian [18]	c. Penilaian Impak dan Pembuktian	14			
		b. Faedah Sampingan (luar jangka)	4			
5	Potensi pengembangan Inovasi [10]		a. Tahap ketersediaan teknologi/sistem/proses	4		
			b. Tahap Replikasi atau Pengkomersialan	6		
Jumlah			100		/500	

SKEMA PEMARKAHAN
PAMERAN PROJEK KIK
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
TAHUN 2019

Skema Pemarkahan:

0 – 2 (Lemah)

3 – 5 (Sederhana)

6 – 8 (Baik)

9 – 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (Max : 10)	MARKAH WAJARAN
		(a)	(b)	(a x b)
1.	Kreativiti			
	a) Rekabentuk	25		
	b) Bahan Pameran	25		
2.	Penyampaian maklumat projek	15		
3.	Penggunaan ruang	15		
4.	Alat sokongan pameran	10		
5.	Hospitality	10		
	JUMLAH	100	/100	/100

SKEMA PEMARKAHAN
PERSEMBAHAN PROJEK KIK
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
TAHUN 2019

Skema Pemarkahan:

- 0 – 2 (Lemah)
- 3 – 5 (Sederhana)
- 6 – 8 (Baik)
- 9 – 10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (Max : 10)	MARKAH WAJARAN (a x b)
		(a)		
1.	Pengenalan Projek			
	a) <i>Introduction</i>	5		
	b) Latar belakang projek	5		
2.	Analisa Projek			
	a) Kaedah analisis jelas dan difahami	5		
	b) Kesinambungan idea antara idea	5		
	c) Persembahan data yang tersusun dan menarik	5		
3.	Cadangan penyelesaian			
	a) Cadangan yang jelas difahami	5		
	b) Pemilihan cadangan yang logik dan difahami	5		
	c) Pelaksanaan (<i>dry run</i>) yang logik dan difahami	5		
4.	Outcome & Impak			
	a) <i>Outcome</i> diukur dan dijelaskan dengan baik	10		
	b) Impak diukur dan dijelaskan dengan baik	10		
5.	Kreativiti penyampaian	40		
	JUMLAH	100	/100	/100